

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN MALEK [ KUALA  
PILAH ]**

**TARIKH : 25 MEI 2016 (RABU)**

**SOALAN : 88**

**Dato' Sri Hasan bin Malek [ Kuala Pilah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah adanya satu rancangan berterusan jangka panjang dari pihak Kerajaan dalam memastikan kecemerlangan dan kemajuan negara akan diperhebatkan selepas negara melepasi penanda aras kemajuan tahun 2020 nanti.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID BIN OMAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Rancangan Malaysia Kesebelas telah memperuntukkan satu bab khusus iaitu Bab 10: Malaysia Pasca 2020 yang menggariskan aspirasi negara selepas tahun 2020 yang meliputi dimensi ekonomi, rakyat dan alam sekitar. Aspirasi ini digariskan melalui suara rakyat yang diperolehi daripada temu bual, perbincangan dan soal selidik melibatkan pelbagai kumpulan dan lapisan masyarakat terutamanya golongan belia. Aspirasi ini mengambil kira trend domestik dan antarabangsa berkaitan perubahan ekonomi, sosial dan alam sekitar. Mesej jelas daripada sesi libat urus yang telah diadakan ialah Malaysia perlu kekal progresif dan inklusif sebagai sebuah negara yang maju dari aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar.

Dalam masa yang sama, Unit Perancang Ekonomi, JPM sedang dalam proses memperhalusi aspirasi tersebut bagi menghasilkan satu pelan jangka masa panjang yang lebih komprehensif. Proses ini akan bertumpu kepada input daripada rakyat menerusi sesi libat urus yang lebih menyeluruh dan terperinci serta mengambil kira perubahan masa hadapan. Dalam masa yang sama, usaha juga sedang dibuat untuk meneliti elemen-elemen penting yang perlu dipenuhi oleh negara untuk berada pada kedudukan 10 negara yang paling kompetitif di dunia. Deraf pertama dokumen ini dijangka dapat disediakan pada awal tahun 2017 dan menjadi sebahagian daripada Kajian Separuh Penggal RMKe-11.

Sekian, terima kasih.